

Headline	1,100 peserta sah sertai larian		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	01 Nov 2019	Readership	246,756
Circulation	82,252	Page No	92
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	345 cm ²		
PR Value	RM 34,403		



Yayasan TM International Tower Run

1,100 peserta sah sertai larian

Kuala Lumpur: Walaupun jumlah kali dianjurkan Yayasan TM International Tower Run 2019 berjaya melepas sasaran apabila sudah menerima 1,100 penyertaan termasuk dari luar negara untuk menyertai pertandingan itu di Menara TM Kuala Lumpur, pada 10 November ini.

Sekurang-kurangnya 40 pelari dari seluruh dunia merangkumi Australia, Denmark, Jerman, India, Indonesia, Taiwan, China, Nepal, Filipina, Poland, Portugal, Singapura, Ukraine dan Amerika Syarikat sudah pun mengesahkan penyertaan program yang dianjurkan dengan kerjasama JomRun itu.

Ketua Pegawai Modal Insan TM, Mohd Farid Shah Mohd Basir berkata pihaknya gembira dengan sambutan yang diberikan termasuk daripada segi penajaan.

"Pada pengajuran ini, kami menasarkan 1,000 peserta mengambil bahagian dan kini jumlah



Farid (tengah pakai topi) bersama penaja di Kuala Lumpur, semalam.

itu sudah pun lebih. Kami begitu teruja untuk menganjurkan acara ini sempena Jubli Perak Yayasan Telekom Malaysia (YTM). "Selain itu, acara ini juga adalah sebagai inisiatif mempromosi

sikan dan memberikan inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk mengamalkan hidup sihat," katanya pada majlis pengenalan penaja di Pusat Konvensyen TM, di sini, semalam. Antara penaja

larian ini adalah Malaysian Airlines, REV Malaysia, unifi, Domino's Pizza Malaysia, Potatoes USA, California Raisins dan Tenaga Nasional Berhad.

Peserta bakal diuji untuk

mendaki Menara TM membabitkan 1,296 anak tangga dengan merangkumi membatikan enam kategori iaitu terbuka lelaki (18 tahun ke atas), terbuka wanita (18 tahun ke atas), veteran lelaki (40 tahun ke atas), veteran wanita (40 tahun ke atas) dan kakitangan Telekom Malaysia (lelaki dan wanita).

Pemenang tempat pertama akan menerima hadiah wang tunai RM800 manakala kedua (RM600), ketiga (RM400), keenam (RM300) dan kelima RM200.

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Larian Menara Malaysia (MTA), Ravinder Singh berkata pihaknya berbesar hati untuk bekerjasama dengan Yayasan TM kerana acara ini sudah sinonim di luar negara.

"Ia sangat popular di kalangan pelari elit antarabangsa dan kami berharap acara ini akan beri inspirasi kepada lebih ramai menjalani hidup sihat," katanya.